



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

Ai

EDISI 12


JUN 2024

BULETIN APB

e-ISSN: 2682-7948

*Social Media
in Teaching and Learning*


AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Kepentingan Media Sosial dalam PnP di Abad ke-21

NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH, NORMAZIAH ABDUL RAHMAN, NORHAFIZAH HASHIM, SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS, ROZIANIWATI YUSOF

UiTM KAMPUS SEREMBAN



Perkembangan teknologi telah banyak mengubah dan mempengaruhi gaya hidup manusia abad ke-21 termasuklah dalam bidang pendidikan. Media sosial menjadi salah satu elemen yang penting dan telah banyak mengubah cara berfikir dan penyampaian maklumat terhadap para pelajar pada masa kini. Ianya ditakrifkan sebagai aplikasi yang dibina berasaskan teknologi *Web 2.0* yang membolehkan penghasilan dan perkongsian bahan-bahan yang dibangunkan oleh pengguna dan sebagai sokongan dalam melaksanakan aktiviti sehari-hari termasuk bidang pendidikan (Kaplan & Haenlein, 2010).

Di Malaysia, penggunaan media sosial dalam bidang pendidikan menjadi semakin penting seiring dengan perkembangan teknologi dan digitalisasi. Pelbagai bidang pengajian telah menggunakan media sosial sebagai alat rujukan bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran seperti bidang pengajian Islam, perubatan, ekonomi, sumber manusia, dan teknologi maklumat. Beberapa kajian yang berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam konteks pendidikan turut dilakukan antaranya, penggunaan media sosial dalam pembelajaran telah memberikan pengaruh positif terhadap prestasi akademik pelajar dan meningkatkan motivasi pelajar (Yusof, et Al., 2021), mencipta suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik (Salsidu, et al., 2018, & Manap, 2017),

mengenalpasti masalah privasi dan risiko yang perlu dikelola dengan bijaksana oleh pendidik (Rahman et al., 2022) dan kemudahan dan kesediaan pendidikan inklusif di luar bandar (Ahmad et al., 2023 & Saidin et al., 2021).


Kajian yang dilakukan terhadap pelaksanaan dan inovasi e-pembelajaran sewaktu fasa pandemik Covid 19 mendapat penggunaan media sosial seperti teknologi telefon pintar, menjalankan kuiz dalam talian, kaedah pembelajaran berdasarkan projek, pembelajaran teradun dan pengajaran melalui laman sosial, telah membantu dan memberi kesan positif dalam sesi pembelajaran serta dalam penyediaan bahan pengajaran (Puteri et al., 2022, Mamat, et al., 2021, & Miasan, 2021). Dapatkan kajian ini menunjukkan pelajar berminat mengikuti pembelajaran dan tidak merasa terbeban dengan modul digital ini. Penyampaian dan kandungan pelajarannya lebih jelas, ringkas, bergambar dan mudah dimuat turun tanpa perlu dicetak.



Penggunaan media sosial telah memberikan impak yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran, antaranya membolehkan pelajar berkomunikasi, bertukar pendapat, dan berkongsi idea dengan lebih mudah serta memupuk persekitaran pembelajaran yang kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif ini membantu pelajar untuk bekerjasama dalam menyiapkan tugas, berkongsi idea, dan memberi maklum balas

di antara pelajar bagi memupuk kemahiran sosial dan kerja berkumpulan. Pelajar juga boleh mengakses kepada pelbagai jenis sumber pembelajaran seperti video, artikel, dan blog.

Para pendidik juga boleh menggunakan dan menyediakan pelbagai bahan pembelajaran yang menarik untuk memenuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran melalui aplikasi seperti TikTok, Youtube, dan Podcast. Penyampaian maklumat yang cepat dan efisien kepada pelajar dapat membantu pendidik berkongsi maklumat penting, memberi arahan, atau memberikan maklum balas kepada pelajar dengan cepat melalui penggunaan platform seperti Google Classroom, Microsoft Teams, Whatsapp, dan Telegram.



Penggunaan media sosial dalam pembelajaran memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan menguasai kemahiran teknologi yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka, termasuk kemahiran dalam menggunakan platform media sosial, mencipta kandungan digital, dan memahami etika dalam penggunaan media sosial. Pengukuhan komunikasi antara pendidik dan pelajar di luar bilik darjah turut dapat dilaksanakan. Pelajar boleh bertanya soalan, meminta bantuan, atau berkongsi pandangan dengan pendidik melalui platform media sosial dan meningkatkan kebolehcapaian terhadap bahan rujukan. Media sosial membolehkan pembelajaran berlaku di luar waktu kelas.

Pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran dan berinteraksi dengan rakan sekelas dan pendidik pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan menggunakan peranti mudah alih dan aplikasi web yang dapat diakses secara dalam talian.



Sebagai rumusan, penerimaan positif dalam kalangan pendidik dan pelajar terhadap penggunaan media sosial membuka dimensi baru dalam dunia pendidikan. Kewujudan sumber bahan pembelajaran maya ini membolehkan pelajar mencapai maklumat tanpa batas melalui kaedah e-pembelajaran yang dilaksanakan. Secara tidak langsung, pelajar dapat melaksanakan pembelajaran kendiri menggunakan media sosial telah menjadi alat yang berharga dalam memperkuuh proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan interaksi dan keterlibatan pelajar. Dengan penggunaan dan perancangan yang sistematik, ia akan membantu bidang pendidikan seiring dengan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Ia juga boleh menjadi sumber ilmiah yang lebih efektif bagi menghadapi dunia yang berasaskan digital dan berdaya saing dalam abad ke-21 ini.

Rujukan

- Ahmad, K., Rashid, S. M. R. A., Sharif, N. M., & Hassan, F. (2023). Memperkasakan Keusahawanan Luar Bandar Melalui Pendidikan ICT: Cabaran dan Potensi di Kubang Pasu, Kedah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002185-e002185.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68.
- Mamat, S., Ladin, C. A., Kamaruddin, A. Y., Omar, I. M., & Ismail, N. A. (2021). Covid-19: Cabaran dan Inisiatif dalam Mendepani Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Teradun: Covid-19: The Challenges and Initiatives in Facing the Implementation of Blended Teaching and Learning. *Sains Insani*, 6(2).
- Manap, F. F., & Abdul Karim, A. (2017). Pengaplikasian Media Sosial sebagai Alternatif Pengajaran & Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Pengajian Tinggi. In *Prosiding International Conference on Learning Innovation and Quality Education, 2nd Series*.
- Miasan, N. A. B. (2021). Pengaplikasian m-pembelajaran dalam situasi pandemik covid-19: konsep dan komponen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 268-276.
- Ngahdiman, I. N., & Razak, R. R. (2021). Hubungan antara Ketajihan Media Sosial dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 54-62.
- Puteri, I., Mokhtar, E. S., & Alim, M. M. (2022). Isu Pelaksanaan dan Inovasi E-Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Luar Bandar di Fasa Pandemik Covid 19. *Journal of Engineering, Technology, and Applied Science (JETAS)*, 4(3), 131-139.
- Rahman, S. M. H. S. A., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A., & Azhar, M. H. M. (2022). Pengidentifikasi Kajian-Kajian Berkaitan Isu Penyalahgunaan Media Sosial Dalam Interaksi Sosial Berdasarkan Systematic Literature Review. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*.
- Saidin, N. D., & Husnin, H. (2021). Google Classroom sebagai pelantar m-pembelajaran: tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 278-292.
- Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: Satu sorotan literatur. *Sains Humanika*, 10(3).
- Yusof, M., Mohd, N., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan IPTA. *e-BANGI Journal*, 12(3).